

Newspaper	Berita Harian
Date	29/3/2013

4 NASIONAL

Dr Mahathir yakin prestasi BN tak jejas

BH-29/3/2013

Langkawi: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yakin pembubaran secara automatik DUN Negeri Sembilan tidak menjejaskan prestasi Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Beliau juga percaya, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mempunyai pertimbangan tertentu sebelum membubarkan Parlimen.

“Ada sebab Najib tidak bubar Parlimen sementara ini kerana ada beberapa perkara perlu diselesaikannya.

“Saya yakin kita dapat mengadakan PRU serentak negeri dengan Pusat,” katanya selepas menyaksikan MOU ketika ditemui di sini, semalam.

Catat sejarah demokrasi negara

Dr Mahathir mengulas pembubaran automatik DUN Negeri Sembilan, tengah malam kelmarin yang kini ditadbir kerajaan negeri sementara, sekali gus mencatat sejarah dalam proses demokrasi di negara ini.

Dewan Rakyat akan bubar secara automatik pada 30 April ini dan pilihan raya umum perlu diadakan dalam tempoh 60 hari daripada tarikh berkenaan.